



TIBA...Zaid (tengah), Kamil (kiri) dan Dr.Jaafar.



STEPHEN... pelajar dari China.

UMS antara pilihan utama pelajar antarabangsa

NST 09.10.2012 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi antara pilihan utama pelajar antarabangsa khususnya dari China untuk melanjutkan pelajaran kerana keindahan alam semulajadi dan keadaan negeri ini yang aman damai.

Pemangku Ketua Pegawai Operasi UMS Link Holdings Sdn. Bhd Wan Mohd Azeelan Adnan berkata, sejak Program Asasi Pelajar Antarabangsa (ISFP) diperkenalkan pada tahun 2003, ia berjaya menarik seramai 880 pelajar antarabangsa termasuk 96 pelajar baru.

Beliau berkata, program itu diperkenalkan khusus untuk membantu pelajar antarabangsa yang akan melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di UMS.

“Sehingga kini ramai Alumni pelajar antarabangsa berjaya memperolehi pekerjaan sebagai jurubank, eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pengurus dalam pelbagai sektor kerajaan dan swasta.

“Alumni pelajar itu menjadi duta antarabangsa untuk UMS seterusnya menunjukkan kejayaan ISFP dalam mewujudkan dan memupuk pelajar yang kreatif dan berkebolehan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pendaftaran pelajar baru ISFP UMS Link Centre, di UMS, di sini, kelmarin.

ISFP merupakan kursus persediaan bagi pelajar antarabangsa yang dikendalikan Pusat Pembangunan Profesional UMS LinK (UCPD) atau UMS Link Centre for Professional Development dan prasyarat kelayakan sebelum diterima masuk ke pelbagai program ijazah di UMS.

Kebanyakan pelajar baru yang ditemui pada majlis itu amat mengagumi keindahan UMS dan negeri Sabah.

Stephen @ Lee Xiang, 18, dari Luo Yang, China, berkata dia banyak mengetahui mengenai UMS dan Sabah daripada abangnya yang menuntut di universiti itu.

“Oleh itu saya pilih UMS untuk melanjutkan pelajaran kerana abang saya memberitahu bahawa Sabah adalah sebuah negeri yang amat cantik dan tempat-tempatnya juga menarik termasuklah UMS,” katanya.

Pelajar itu yang pertama kali datang ke Sabah menggambarkan negeri ini sangat menarik terutamanya alam semulajadi, laut dan makanannya yang segar.

“Ia amat berbeza jika dibandingkan dengan kampung halaman saya di Luo Yang,” katanya yang akan mengikuti pengajian Kewangan Islam selepas menamatkan program asasi itu.

Sementara itu Zaidi Kamil, 22, iaitu satu-satunya pelajar antarabangsa dari Baghdad Iraq berkata dia memilih UMS kerana universiti itu adalah antara universiti berprestij di rantau ini.

“Ini pertama kali saya keluar daripada Iraq dan pertama kali menjelaskan kaki di Sabah.

“Saya berasa selesa berada di sini kerana budayanya lebih kurang sama dengan budaya di negara saya. Misalnya ramai pelajar beragama Islam menuntut di sini,” katanya melalui seorang penterjemah Dr.Jaafar Makki yang bekerja di Hospital Queen Elizabeth (HQE).

Zaidi yang ditemani bapanya Kamil Hasain, berkata selepas menamatkan program asasi itu, dia akan meneruskan pengajian dalam bidang Bioteknologi.

Pada majlis itu seramai 96 pelajar baru dari China dan seorang dari Iraq mendaftar untuk mengikuti program ISFP selama enam bulan. -OLEH MARRYAN RAZAN (mryan@newsabahtimes.com.my)